

**NO SOALAN :26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG CHEN  
(KELANA JAYA)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.03.2015**

**Y.B. TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. siapakah yang membeli bon-bon Kerajaan semenjak penjualan bon-bon tersebut secara mendadak mulai Oktober 2014; dan
  
- b. apakah jumlah dan nilai bon-bon yang dipegang oleh semua agensi Kerajaan termasuk Permodalan Nasional Berhad (PNB), Kumpulan Wang Persaraan (KWAP), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Khazanah Nasional Berhad, untuk setiap bulan pada tahun 2014.

## **JAWAPAN**

### **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, laporan tentang penjualan mendadak bon Kerajaan di pasaran bon domestik adalah berdasarkan fakta yang tidak tepat. Ini adalah disebabkan tren transaksi bagi bon Kerajaan adalah stabil antara RM140 bilion hingga RM160 bilion sebulan, bergantung kepada suasana pasaran. Mengikut rekod transaksi oleh Bank Negara Malaysia, penjualan bon semenjak Oktober sehingga Disember 2014 oleh pelabur asing hanya berjumlah RM3.6 billion atau 2.4% daripada jumlah pegangan pelabur asing dan 0.7% dari keseluruhan bon Kerajaan. Di dalam tempoh penjualan tersebut berlaku, pelabur utama didalam pasaran kewangan tempatan iaitu institusi perbankan dan institusi pelaburan tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) telah membeli bon Kerajaan berikutan penjualan tersebut. Sungguhpun berlaku penjualan oleh pelabur asing, pasaran bon tidak

mengalami kemeruapan(*volatility*) yang tinggi memandangkan tahap kecairan yang tinggi dalam pasaran dan kepelbagaian kelas pelabur.

- a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sehingga suku ketiga 2014, sebanyak RM553.3 billion hutang Kerajaan Persekutuan telah diterbitkan di pasaran kewangan domestik. Sebahagian besar bon Kerajaan yang diterbitkan iaitu 71.9% telah dipegang oleh pelabur institusi utama tempatan seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP), institusi perbankan tempatan dan pelbagai institusi lain seperti syarikat insurans, institusi kewangan pembangunan, institusi bukan kewangan dan lain-lain pemegang termasuk Bank Negara Malaysia. Selebihnya atau 28.1% lagi dipegang oleh bukan pemastautin.